

# Cadangan 'Pemerhati Pilihanraya' tak akan ditimbang - Mahathir

27 AUG 1990

KLANG 26 Ogos — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak akan menimbang apa-apa cadangan daripada kumpulan yang memanggil diri mereka "Pemerhati Pilihanraya" kerana mereka bukan mewakili orang ramai.

Katanya sebarang cadangan kumpulan itu mewakili hanya pandangan "segelintir orang yang tidak berpendirian" dan oleh itu tidak sepatutnya diambil kira.

"Saya tidak mahu ambil pandangan mereka" katanya semasa diiinta mengulas laporan laporan akhbar mengenai saranan Pemerhati Pilihanraya supaya kerajaan menimbang kemungkinan mewajibkan pendaftaran ke atas para pengundi.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pm Hwa (Persendirian) di sini, beliau berkata kumpulan itu boleh memberi apa saja cadangan yang mereka terfikir.

"Saya tidak akan menimbangnya; sebenarnya, kumpulan ini tidak ada apa-apa kaitan pun dengan pilihanraya," katanya.

Dalam lawatannya ke sekolah tersebut, beliau telah mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju menyumbang wang sejumlah \$100,000 untuk pembangunan sekolah itu.

Sementara Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib berkata kerajaan negeri telah bersetuju

untuk mengecualikan cukai tanah sekolah - sekolah menengah persendirian Cina di seluruh Negeri Selangor.

Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapannya turut memberi jaminan bahawa sekolah - sekolah yang bahasa pengantamya bahasa Mandarin tidak akan dihapuskan selagi kerajaan Barisan Nasional memerintah neera ini.